

REAKSI ORANG MUDA

Elemen militan dan ekstrem boleh dikekang dari peringkat awal lagi, khususnya di bangku sekolah atau universiti. Setujukah?

LANGKAH pencegahan awal merupakan platform terbaik dalam mengekang elemen militan dan ekstremis yang dilihat semakin meruncing terutama dalam kalangan golongan muda. Setiap pihak berwajib terutamanya golongan pendidik di institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada awam maupun swasta tidak seharusnya memandang enteng akan usaha yang dibawa kerajaan dalam memerangi golongan militan dan ekstremis.



NAJIHAH MOHD. AMIN, 21.
Universiti Teknikal Malaysia
Kampus Melaka.

ISU mengenai militan dan ekstrem seharusnya dikekang dari peringkat awal kerana ia akan memberi impak yang besar terhadap keharmonian dan menjelaskan ekonomi negara, sekiranya tidak dikawal secara terperinci.

Tambahan pula, negara kita yang mempunyai kepelbagaiannya kaum dan agama yang mempunyai adat dan kefahaman yang berbeza. Oleh itu, kita seharusnya memberi pendedahan awal dan kefahaman terhadap masyarakat sejak mereka di bangku sekolah supaya elemen militan dan ekstrem ini dapat dibanters.



NOR FARHANA MOKHTAR, 25.
Universiti Putra Malaysia (UPM)

SAYA tidak setuju elemen militan dan ekstremis boleh dikekang dari peringkat awal. Ini kerana dalam era globalisasi dunia tanpa sempadan sekarang, puak-puak



militan boleh menyebarkan pengaruh mereka dengan begitu mudah melalui laman sosial. Selain itu, mereka boleh mempengaruhi golongan muda yang daif mengenai erti perjuangan jihad untuk turut sama menjadi ahli kumpulan.

ABDUL RAHIM RAHMAN,
23. Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia (UPNM)

MAHASISWA perlu mengambil berat tentang isu semasa yang berlaku di seluruh dunia supaya mereka mengambil pengajaran



daripada setiap peristiwa yang berlaku. Selain itu, kawalan serta pendekatan yang lebih bersifat ever green perlu diterapkan secara berterusan kepada Gen Z supaya mereka bukan sahaja dikekang, malah diberi pendekatan yang lebih efisien dalam mengekang unsur ini daripada terus menghantui jiwa mereka.

**ABDUL HAKIM WAN
MOHD. NOR, 26.**
RichKnowledge Training
Cottage (RTC)

ELEMEN militan ini mengancam keselamatan negara dan juga memberi kesan buruk kepada masyarakat. Namun, elemen militan boleh dikekang dari peringkat awal menerusi pemantauan efektif oleh orang dewasa. Program motivasi mengenai keburukan militan di peringkat sekolah dan universiti juga dapat mengelakkan mereka daripada terjebak dalam militan yang semakin berleluasa bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia sedar tentang kewujudannya. Oleh itu, penekanan awal itu amat penting bagi mengelakkan aktiviti militan.



**MUHAMMAD HAZIQ HUMAN
ESSMAL HISSHAM, 20.**
Management & Science
University (MSU).